



Dokumen ini menggariskan mandat, objektif dan prinsip pelaburan.

1. Mandat Pelaburan

- 1.1. Mandat Khazanah adalah untuk membangunkankekayaan jangka panjang Malaysia. Membangunkan dalam konteks ini adalah untuk mempertingkatkan nilai pelaburan secara mampan selain memelihara modal yang disuntik. Jangka panjang merujuk kepada tempoh yang melangkau beberapa generasi dan memastikan keperluan generasi akan datang dapat dipenuhi. Kekayaan merujuk kepada nilai aset kewangan Khazanah dan hasil pembangunan ekonomi untuk negara.
- 1.2. Mandat ini akan dicapai melalui objektif pelaburan berikut:
 - 1) **Objektif komersial:** Mencapai pulangan terlaras risiko yang optimum, membangunkan aset kewangan dan mempelbagaikan sumber pendapatan negara.
 - 2) **Objektif strategik:** Melaksanakan pelaburan strategik dengan manfaat ekonomi jangka panjang untuk Malaysia atau rakyat Malaysia, termasuk memegang aset strategik negara.

2. Falsafah Pelaburan

- 2.1 Selaras dengan mandat kami untuk mengembangkankekayaan jangka panjang Malaysia, kami hanya akan melabur jika pulangan terlaras risiko dapat dicapai. Selain itu, pelaburan strategik juga harus memberi hasil impak ekonomi yang disasarkan.
- 2.2 Kami berpegang kepada kepentingan mewujudkan nilai mampan menerusi penglibatan yang sesuai dengan syarikat yang kami labur serta dengan khidmat pengurus pelaburan luar dan penasihat yang kami gunakan.
- 2.3 Kami mematuhi kaedah pelaburan yang mengambil kira faktor persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) untuk mengurus risiko dengan lebih baik dan menjana pulangan jangka panjang yang mampan. Kami adalah penandatangan kepada Prinsip PBB untuk Pelaburan Bertanggungjawab (UNPRI) dan Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi, yang mempromosi integrasi garis panduan ESG ke dalam analisis pelaburan, proses pembuatan keputusan serta pemilihan aset.



3. Sumber Pendanaan

- 3.1 Pendanaan utama kami adalah dalam bentuk ekuiti pemegang saham. Khazanah juga boleh menerima aliran masuk modal tambahan.
- 3.2 Kami juga menggunakan pembiayaan hutang dan hasil aktiviti pelupusan pelaburan untuk membiayai aktiviti pelaburan kami.

4. Struktur Pelaburan

- 4.1 Khazanah menyasarkan dua objektif utama menerusi struktur pelaburan dwi-dana. Kedua-dua dana tersebut, Dana Komersial dan Dana Strategik, diwujudkan dengan objektif, dasar dan strategi yang berbeza dan akan diuruskan secara berasingan oleh bahagian pengurusan pelaburan yang berasingan.

5. Dana Komersial

- 5.1 Dana Komersial adalah dana jangka panjang yang bertujuan untuk menjana pulangan terlaras risiko dalam tempoh panjang, mengembangkan aset kewangan dan mempelbagaikan sumber pendapatan negara.
- 5.2 Dana ini mensasarkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya Indeks Harga Pengguna Malaysia + 3% dalam tempoh asas 5 tahun berterusan dengan tahap toleransi risiko sederhana seperti berikut:
 - a. Prestasi kurang baik: Tidak melebihi 10% daripada 30% kerugian tahunan.
 - b. Pembiayaan: Tidak melebihi 10% kemungkinan kegagalan untuk mencapai 1.5% hasil portfolio.Sasaran pulangan dan toleransi risiko ditetapkan oleh Lembaga dan akan dikaji semula dari semasa ke semasa.
- 5.3 Pulangan tahunan Dana akan dilaburkan semula ke dalam Dana dan diagihkan kepada kerajaan berdasarkan nisbah pembayaran yang ditetapkan. Sebarang aliran masuk modal tambahan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah.
- 5.4 Dana ini mempunyai fleksibiliti untuk dilabur dalam pelbagai kelas aset mengikut aset strategik yang diperuntukkan.
- 5.5 Dana ini mempunyai fleksibiliti untuk dilabur di seluruh dunia dengan keutamaan diberikan untuk strategi pelaburan aktif dan langsung.



6. Dana Strategik

- 6.1 Dana Strategik dihasratkan untuk menjadi dana pembangunan yang digunakan untuk pelaksanaan pelaburan strategik dengan manfaat ekonomi jangka panjang, termasuk pemilikan aset negara strategik.
- 6.2 Dana ini mensasarkan pulangan bersamaan hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MSG) 10 tahun pada asas 5 tahun dan mencapai objektif strategiknya. Sasaran pulangan Dana ini ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan akan dikaji semula dari semasa ke semasa.
- 6.3 Dana ini dihasratkan mampu menjadi swakekal, dengan sumber pendanaan utama bagi aktiviti Dana ini dihasilkan daripada sebarang lebihan sumber dalam; sebarang modal tambahan yang diperlukan melebihi dari jumlah yang ada tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah.
- 6.4 Dana ini akan digunakan untuk pelaburan dan pengurusan aset strategik seperti yang ditakrifkan dan dikelaskan di bawah:
 - a. Aset Strategik:
 - i. Aset domestik kepentingan negara, seperti infrastruktur kritikal.
 - ii. Diwujudkan bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk jangka masa panjang.
 - b. Aset Pembangunan
 - i. Pelaburan pembangunan jangka panjang yang berpotensi untuk memberi impak ekonomi yang tinggi.
 - ii. Aset ini akan dibangunkan untuk mencapai daya maju komersial yang mana pencapaian nilai titik (point value) boleh dipertimbangkan.
 - c. Aset Strategik Baharu:
 - i. Sama ada berkaitan infrastruktur negara atau bersifat pembangunan.
 - ii. Sasaran manfaat ekonomi yang jelas dan pelan daya saing komersial yang dikenalpasti.
- 6.5 Dana ini menyasarkan peluang dan potensi untuk berdaya maju secara komersial atau akan mendapat pulangan yang mencukupi untuk beroperasi tanpa bantuan daripada pemegang saham
- 6.6 Urus niaga yang bernilai besar dijangka akan dilaksanakan menggunakan dana ini.
- 6.7 Dana ini mempunyai fleksibiliti untuk melabur dalam pelbagai struktur modal.



- 6.8 Keutamaan diberi kepada pelaburan bersama dan perkongsian dalam semua pelaburan pembangunan baharu.
- 6.9 Pilihan realisasi nilai boleh dipertimbangkan apabila perlu, berdasarkan asas kebebasan (arms' length).
- 6.10 Tema pelaburan akan sentiasa dikaji semula berdasarkan trend ekonomi dan keperluan negara, dan aset pelaburan dalam portfolio akan dikaji semula dan dinilai supaya relevan dengan sasaran strategik.

7. Tadbir Urus

- 7.1 Jadual untuk Lembaga Pengarah ("SMB") menyediakan struktur kuasa Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya serta pencerahan untuk perkara yang perlu dibangkitkan oleh Pengurusan. Struktur ini disokong oleh Terma Rujukan bagi setiap jawatankuasa kecil Lembaga yang terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO"), Jawatankuasa Audit & Risiko ("ARC") dan Jawatankuasa Pencalonan & Ganjaran ("NRC").
- 7.2 Had Pihak Berkuasa ("LOA") menggariskan had kuasa tertinggi yang digunakan oleh Pengurusan Kanan Khazanah, untuk memastikan bahawa kuasa dipadankan dengan tahap had yang betul untuk pelaksanaan urus niaga harian.
- 7.3 Pengurusan diamanahkan dengan pemberian kuasa dan kebertanggungjawaban untuk aktiviti korporat harian, dengan pengawasan EXCO dan Lembaga Pengarah.

8. Ketelusan dan Pendedahan

- 8.1 Sebagai dana kekayaan berdaulat Malaysia yang bertindak dengan mengambil kira kepentingan pihak berkepentingan, kami komited untuk mengumumkan aktiviti dan prestasi pelaburan kami setiap tahun.
- 8.2 Selain itu, sebagai penandatangan kepada Prinsip-Prinsip PBB bagi Pelaburan Bertanggungjawab (UNPRI), kami juga akan mendedahkan dan melaporkan hasil tindakan pelaburan bertanggungjawab kami setiap tahun.